

18/01/2003

PM rasmi sambutan Hari Wilayah

PUTRAJAYA: Perbadanan Putrajaya akan menganjurkan pelbagai acara menarik sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya, termasuk Pertandingan Memancing anjuran bersama Unit Joran Berita Harian.

Sambutan Hari Wilayah yang bermula 4 Februari depan akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Botani, sekali gus melancarkan taman berkenaan.

Pengarah Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya, Shamsiah Jamaludin, berkata sambutan Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya bermula dengan majlis tahlil di Masjid Putra pada 31 Januari.

"Penduduk dijemput hadir bukan saja bagi majlis tahlil, tetapi dalam semua acara sempena sambutan kali ini," katanya pada sidang akhbar di Kelab Tasik Putrajaya, di sini semalam.

Pertandingan memancing akan diadakan di Tasik Putrajaya, Presint 1, pada 15 Februari bermula jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Berkonsepkan mesra alam, pertandingan terbuka kepada 700 peserta dengan yuran penyertaan sebanyak RM50 seorang. Di samping itu, pertandingan memasak ikan air tawar cita rasa Malaysia diadakan serentak.

Berikut adalah acara dan aktiviti sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya:

- \* 31 Januari - Majlis tahlil di Masjid Putra.
- \* 4 Februari - Perasmian Dr Mahathir di Taman Botani.
- \* 6 hingga 9 Februari - Pertandingan Kenu Jemputan Antarabangsa dirasmikan Perdana Menteri di Kelab Tasik Putrajaya.
- \* 9 Februari - Karnival Komuniti 2003 di Presint 8.
- \* 15 Februari - Pertandingan Memancing di Tasik Putrajaya.
- \* 22 Februari - Pesta Aneka Budaya di Kelab Tasik Putrajaya.
- \* 23 Februari - Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk di Taman Wetland, Presint 13.